

LAMPIRAN A: BORANG PENGISYTIHARAN KELUASAN LANTAI KASAR (GFA)

Saya yang bertandatangan di bawah ini, dengan ini **mengisytiharkan bahawa keluasan lantai kasar (Gross Floor Area, GFA)** bagi bangunan seperti berikut:

Nama Bangunan :	
Alamat :	
Nama Pembekal Tenaga atau Sumber Tenaga :	
Nombor Akaun Pembekal Tenaga atau Sumber Tenaga :	
Jenis Bangunan :	

adalah sebanyak : **Keluasan Lantai Kasar (GFA) :..... meter persegi (m²)**

Keluasan lantai kasar ini merujuk kepada jumlah keseluruhan ruang lantai dalam sebuah bangunan, yang diukur antara sisi luar dinding atau, dalam kes dinding pemisah, antara tengah-tengah dinding tersebut, tetapi **tidak termasuk kawasan berikut:**

- a) ruang parkir dan kawasan peredaran, termasuk mana-mana ruang mekanikal atau elektrik dalam kawasan parkir bangunan;
- b) kawasan parkir terbuka atau berbumbung di luar bangunan;
- c) tangga dan aci lif di tingkat selain daripada tingkat bawah atau lobi;
- d) kawasan menunggu untuk kenderaan komersial memunggah barangan;
- e) taman atau kemudahan rekreasi untuk penghuni yang disediakan di atas bumbung atau podium dalam ruang terbuka atau separa terbuka;
- f) laluan pejalan kaki yang bersambung dengan bangunan atau stesen transit, termasuk sebarang aktiviti sokongan; dan
- g) laluan pejalan kaki dalam bangunan yang berfungsi sebagai laluan awam.

Saya juga mengesahkan bahawa maklumat yang diberikan ini adalah benar, tepat dan lengkap setakat pengetahuan saya. Sekiranya didapati sebaliknya, saya bersedia untuk bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang tindakan yang diambil oleh Suruhanjaya Tenaga.

Tandatangan :

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan / No. Pendaftaran Syarikat :

Jawatan :

Nama Syarikat / Pemilik Bangunan :

Cop Rasmi Syarikat :

Tarikh :

Nota: Individu atau wakil syarikat yang menandatangani borang ini adalah **Orang yang Bertanggungjawab Bagi Bangunan** khususnya yang berkaitan dengan tenaga bagi bangunan tersebut.